

RAWATAN KETAGIHAN SEKS SIBER: KEPERLUAN LATIHAN KAUNSELOR PERSPEKTIF MALAYSIA

Mohd. Zaliridzal bin Zakaria, M.Sc.
Dini Farhana bt. Baharuddin, M.Ed., M.A

Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Penyelidikan secara kualitatif ini dijalankan untuk mengkaji keperluan dalam meningkatkan kesediaan kaunselor di Malaysia menghadapi isu-isu berkaitan dengan seks siber. Ia juga cuba meninjau bagaimana kaunselor di Malaysia menilai dan seterusnya menghadapi cabaran yang timbul berkaitan dengan isu seks siber dalam amalan harian mereka. Dapatan kajian boleh digunakan sebagai panduan dalam mengukuh dan memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kaunseling khususnya untuk memberikan rawatan terhadap kes seks siber. Dalam kajian ini, temubual secara individu dilaksanakan kepada kaunselor-kaunselor yang dikenalpasti bagi mengumpulkan kaedah rawatan seks siber yang sesuai yang diamalkan. Kaedah-kaedah yang diamalkan ini boleh menjadi landasan dan kerangka rujukan dalam membangunkan satu modul khusus yang dapat dijadikan sebagai panduan bagi meningkatkan profesionalisme dan kemahiran kaunselor yang mungkin berhadapan dengan klien yang terlibat dengan aktiviti seks siber.

CYBERSEX ADDICTION TREATMENT: A MALAYSIAN PERSPECTIVE ON THE NEEDS FOR COUNSELORS' TRAINING

ABSTRACT

This qualitative study is conducted to explore the need in enhancing Malaysian counselors' preparation and training to face issues related to cybersex. It also tries to investigate how Malaysian counselor assess and face challenges in their practice when dealing with cybersex issues. Research findings can be used as a guide to strengthen and support the knowledge and skills in the field of counseling especially in providing treatment for cybersexual cases. In this study, interview sessions have been conducted with identified counselors to gather information on suitable treatment approaches for cybersex that may be used in the Malaysian context. These approaches can become a framework of reference in developing a specific module that could be used as a guideline to increase counselors' professionalism and skills when facing with client involved in cybersexual activities.

PENDAHULUAN

Teknologi moden dan media terkini seperti televisyen, CD, video, sistem audio, komputer, modem, video kamera dan telefon bimbit mempunyai kesan yang besar terhadap masyarakat (L'Engle, Brown, & Kenneavy, 2006). Internet adalah salah satu daripada media canggih yang mana semakin ramai orang menggunakannya dengan harganya yang semakin murah dan kemudahan capaian produk-produk teknologikal seperti komputer, modem, video kamera dan telefon bimbit kebanyakannya kini dilengkapi dengan Internet (Charness & Boot, 2009; Ono & Tsai, 2008).

Di Malaysia, sepanjang tahun 2009, jumlah pengguna Internet adalah seramai 16,902,600 pengguna berbanding tahun 2000, hanya sekitar 3,700,000 pengguna daripada populasi masyarakat Malaysia yang mencecah 26,160,256 orang. Ringkasnya, peratusan peningkatan pengguna Internet sejak tahun 2000 hingga 2009, jumlahnya adalah 356.8% (Mohd. Amirul Akhbar Mohd. Zulkifli, 2011). Berdasarkan data daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (2008), pengguna Internet di rumah sahaja telah mencapai lebih 2.5 juta pengguna. Daripada statistik yang dikemukakan oleh sumber yang sama, pengguna Internet di rumah pada tahun 2008 adalah seramai 51.9% lelaki dan 48.1% wanita. Kategori umur dewasa iaitu yang berumur 20 hingga melebihi 50 tahun adalah sebanyak 75.3% manakala umur 19 dan kebawah adalah 24.7% (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2010). Seramai 55% pengguna adalah belum berkahwin manakala 44.3% telah berkahwin. Kebanyakan pengguna telah bekerja (51.5%) (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2005). Data ini menunjukkan penggunaan Internet yang sangat meluas di negara Malaysia.

Perkataan 'seks' adalah merupakan salah satu daripada topik yang paling digemari untuk dilayari di Internet (Internet Surveys, 2001). Dijangkakan sebanyak 4.2 juta (12%) daripada kesemua laman web dalam Internet adalah yang berunsurkan seks/lucah atau pornografi, di mana 25 daripada jumlah tersebut adalah hangat terutamanya di kalangan golongan muda di Malaysia (Mohd. Azis, 2008; Syamsul Anuar, 2003). Ternyata walaupun dari segi peratusannya nampak kecil, tetapi, jika dilihat dari segi hakikatnya, ia adalah jumlah yang agak membimbangkan. Berdasarkan kajian lepas, daripada 31% golongan yang melayari laman web berunsurkan lucah, 5.5% menunjukkan ciri-ciri ketagihan manakala 17% adalah berisiko untuk menjadi ketagih (Cooper, Delmonico & Burg, 2000).

Menurut statistik yang diperolehi melalui Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (2010), kekerapan penggunaan Internet di rumah yang melebihi 15 jam adalah 29.6%. Angka ini perlu dikaji untuk menilai samada wujud masalah ketagihan Internet, khususnya seks siber, dalam kalangan pengguna.

Ketagihan seks siber merangkumi spektrum yang besar termasuk penggunaan keterlaluan (kompulsif) laman web lucah/pornografi dan perhubungan seks atas talian. Ketagihan seks siber ini memberikan kesan negatif yang sangat signifikan terhadap pengguna sendiri dan orang-orang di dalam lingkungannya (Young, 2000). Kesan negatif ini termasuklah berkurangnya komunikasi dalam keluarga dan perhubungan sosial, bertambahnya kemurungan dan rasa keseorangan, perasaan kecewa dan diabaikan akibat kecurangan dan dalam kes-kes tertentu boleh melibatkan perceraian.

Ternyata, seks siber mempunyai kesan yang mendalam terhadap keluarga dan pasangan terbabit. Walaupun beberapa kajian lepas telah dibuat tentang bentuk penggunaan seks siber dalam kalangan pengguna (Schneider, 2000), jenis-jenis aktiviti seks siber dan kesannya terhadap kehidupan responden (Boles, Cooper & Osborne, 2004; Rozmi Ismail, 2001; Syamsul Anuar, 2003), dan profil personaliti golongan yang terlibat (Syamsul Anuar, 2003), hanya beberapa kajian sahaja yang mengkaji kesan seks siber terhadap amalan kaunseling dan kaedah rawatan yang digunapakai oleh kaunselor (Goldberg, Peterson, Rosen & Sara, 2008; Young, Pistner, O'Mara & Buchanan, 1999).

Penerokaan tentang isu seksual boleh dikatakan suatu topik yang sensitif dan tidak patut dibicarakan terutama dalam budaya Timur. Namun, semakin ramai masyarakat sekarang lebih terbuka untuk membicarakan hal itu mungkin kerana beberapa masalah yang dihadapi dalam masyarakat seperti kehamilan remaja, pembuangan bayi, ketagihan seks, perceraian dan ini termasuklah seks

siber. Oleh kerana itu, seksualiti merupakan suatu topik yang penting untuk dibincangkan terutama dalam sesi kaunseling.

Menurut Gilchrist & Schinke (1983), kaunseling adalah tempat di mana semua aspek perkembangan individu, termasuk seksualiti, boleh dibincangkan. Bagaimana seseorang individu itu berpandangan tentang seksualiti mereka akan mempengaruhi citra dan kepercayaan diri mereka secara umum. Membantu keluarga berbicara tentang seksualiti dalam persekitaran yang terbuka dan percaya-mempercayai juga semakin penting dalam masyarakat yang penuh dengan mesej seksual, imej seksual dan komunikasi yang salah, khususnya dengan perkembangan teknologi terkini iaitu Internet.

Banyak kajian dan penulisan yang menyatakan bahawa seks siber adalah suatu masalah yang mempengaruhi individu, keluarga, institusi pendidikan dan juga tempat kerja. Banyak juga kajian telah menunjukkan pentingnya kaunselor menangani topik seksual dengan klien mereka. Namun, data empirikal tentang bagaimana kaunselor boleh secara berkesan memulakan perbincangan seksualiti dengan klien yang telah dikaji dan diterbitkan sangat minimum. Para penyelidik telah menyarankan bahawa golongan profesional kesihatan mental tidak cukup terlatih untuk bekerja dengan keprihatinan tersebut. Hilton (1997) menyatakan bahawa kegagalan paling umum yang sering dilakukan oleh kaunselor adalah mengelakkan perbincangan tentang isu seksual sama sekali. Kadangkala isu seks siber yang dikemukakan terkait dengan masalah rumahtangga, seperti perpisahan atau perceraian. Walaupun kaunseling harus menjadi tempat perbincangan semua aspek perkembangan individu, termasuk seksualiti, hal ini tidak berlaku. Menurut Nathan (1986), klien mungkin mengharapkan bahawa golongan profesional kesihatan mental, khususnya kaunselor, akan berpengetahuan tentang seksualiti tetapi hal ini tidak selalu berlaku kerana mungkin mereka tidak cukup terlatih, kurang bersedia atau tidak selesa dengan topik tersebut (Christensen et al, 1977 ; Duldt & Pokorny, 1999; Haboubi & Lincoln, 2003; Harris & Hays, 2008; Kirkpatrick, 1980; McConnell, 1976; Wiederman, 1999).

Kebanyakan kaunselor sememangnya membesar dalam persekitaran yang sama dengan klien mereka dan budaya Timur sendiri sering negatif tentang seksualiti. Tanpa latihan yang bersesuaian, kaunselor mungkin dilihat oleh masyarakat sebagai seorang yang pakar tetapi dalam banyak keadaan, ini bukanlah realiti sebenar. Malah, kaunselor yang mempunyai pengetahuan pun mungkin tidak dapat membantu klien kerana kebimbangan dirinya tentang seksualiti (Cross, 1991; Jones, Weerakoon & Pynor, 2005; Stayton, 1998).

Kurangnya latihan berkaitan seksualiti dalam profesion kaunseling perlu dilihat sebagai satu yang boleh diperbaiki dengan mencadangkan topik seksualiti ini dimasukkan dalam kursus sedia ada mahupun dengan memberikan latihan luar kepada kaunselor untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mencapai matlamat kajian untuk meneliti keperluan latihan rawatan ketagihan seks siber bagi golongan kaunselor, objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1) Mengkaji cara kaunselor di Malaysia menilai dan seterusnya menghadapi cabaran yang timbul berkaitan dengan isu seks siber dalam amalan harian mereka.
- 2) Menganalisa kaedah-kaedah yang digunakan dalam merawat ketagihan seks siber dalam sistem kekeluargaan dan pasangan di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Untuk menjawab persoalan kajian, kaedah kajian berbentuk kualitatif yang merupakan temubual dengan responden kajian yang terpilih untuk mendapatkan pandangan yang lebih mendalam. Temubual dijalankan secara bersemuka berdasarkan temubual terbuka. Temubual dirakam dalam bentuk audio dengan kebenaran responden kajian. (Bogdan & Biklen, 1992; Lofland, 1971; Patton, 1990). Temubual dijadualkan menurut kesesuaian masa responden dan pengkaji. Data yang dikumpulkan dianalisa melalui transkripsi audio dalam bentuk verbatim.

Kaunselor yang dikaji adalah terdiri daripada kaunselor berdaftar yang diperolehi daripada Senarai Kaunselor Berdaftar yang ada di Lembaga Kaunselor Malaysia. Seramai 1746 kaunselor berdaftar dalam Daftar Kaunselor tersebut telah diperolehi. Lima orang kaunselor berdaftar yang dikenalpasti sebagai kaunselor pakar dipilih untuk ditemubual bagi mendapatkan maklumat. Kaunselor pakar ditakrifkan sebagai kaunselor berdaftar yang telah mempunyai pengalaman selama tujuh tahun dan lebih, mempunyai kes-kes yang melibatkan seks siber dan telah menjalankan sesi rawatan dan pemulihan kepada klien dalam kes-kes seks siber tersebut. Temubual dijalankan secara bersemuka berdasarkan temubual terbuka. Temubual dirakam dalam bentuk audio dengan kebenaran responden kajian. (Bogdan & Biklen, 1992; Lofland, 1971; Patton, 1990). Temubual dijadualkan menurut kesesuaian masa responden dan pengkaji. Data yang dikumpulkan dianalisa melalui transkripsi audio dalam bentuk verbatim. Kaedah temubual dipilih kerana pengkaji boleh mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam apabila bersemuka dengan mereka (Creswell, 2003).

DAPATAN KAJIAN

Lima orang kaunselor berdaftar telah dikenalpasti sebagai kaunselor pakar dan dipilih untuk ditemubual bagi mendapatkan maklumat. Kaunselor yang dipilih sebagai pakar terdiri daripada seorang wanita dan empat orang lelaki. Kelima-lima kaunselor berdaftar mempunyai pengalaman selama tujuh tahun dan lebih dalam mengendalikan kaunseling, mempunyai kes-kes yang melibatkan seks siber dan telah menjalankan sesi rawatan dan pemulihan kepada klien dalam kes-kes seks siber tersebut. Seorang daripada kaunselor tersebut adalah pensyarah di sebuah institusi pengajian tinggi, dua orang kaunselor daripada Majlis Agama Islam dan dua orang lagi terdiri daripada kaunselor bebas. Kesemua kaunselor mempunyai latar belakang ilmu pengetahuan dalam kaunseling perkahwinan dan keluarga. Kesemua kes seks siber yang dikendalikan oleh kaunselor-kaunselor berkenaan adalah yang melibatkan isu perkahwinan dan keluarga.

Melalui analisa kajian, terdapat beberapa tema yang dikenalpasti berdasarkan temubual yang dijalankan iaitu (i) kesan aktiviti seks siber, (ii) keperluan pengetahuan, (iii) pendekatan rawatan ketagihan seks siber dan (iv) pendekatan mengekalkan kepulihan daripada ketagihan seks siber.

(i) Kesan aktiviti seks siber dan tahap keruncingannya

Kesemua responden menyatakan bahawa aktiviti seks siber mempunyai kesan yang serius terhadap masyarakat, samada golongan yang belum mahupun yang telah berkahwin. Responden juga menyatakan tentang tahap keruncingan isu ini dengan menekankan tentang pertambahan kes yang diuruskan. Ini dapat dilihat daripada pernyataan:

“...kebanyakan kes ianya bermula masa zaman remaja lagi. Lepas tu dia kahwin, biasa dia dah tengok benda tu... pornografi dari remaja... bila dapat isteri tu maknanya kepuasan pada isteri tak ada... dia dah tak seronok dengan isteri lagi dah... dia takut sebab nak keluar universiti ni nak kahwin dan dia takut nanti dia kahwin takut dia tak boleh stay dengan wife... because dia suka tengok benda ni... dan kesannya kepada perkahwinan itu sendiri... Jadi isteri akan terabai, isteri tak dapat belaian kasih sayang daripada suami... sebagai seorang kaunselor ni (seks siber) dah biasa tau... yang dah kahwin, yang belum kahwin... sebab ketagihan seks siber ni lebih dahsyat daripada porno biasa. Sebab dia memang mudah, sebab duduk depan laptop, terus tengok... akhirnya kesan yang saya nampak kepada keruntuhan rumah tangga.” (R2/T1)

“...kalau melibatkan remaja, merekahlah yang banyak terlibat dengan seks siber ini berbanding dengan orang dewasa... tetapi kita tidak nafikan golongan dewasa juga banyak cenderung ke arah itu, apabila adanya perkara yang terlibat dalam hubungan kekeluargaan atau perkahwinan... terlibat dengan gejala seksualiti yang tidak sihat... sudah lupa bahawa kita ada peraturan dan cara hidup yang digariskan oleh agama... mendatangkan banyak kerosakan dalam kehidupan manusia... hubungan yang tidak sihat suami isteri...” (R3/T1)

“... kesannya saya lihat sangat buruk... kepada minda manusia dan juga kepada generasi akan datang... alat yang menyebabkan dia terperangkap dengan hubungan lain... pada isteri bila dia dapat satu layanan istimewa daripada orang lain berbanding pasangannya....” (R4/T1)

“Setakat ni saya ada lima kes... puncanya daripada seks siber ini....” (R2/T1)

“Supaya saya dapat ilmu tu, saya dapat handle kes... yang mana peratusan kes ini semakin naik. Semakin hari semakin naik... dalam lima tahun ni ada dalam 50 kes macam ni... dan paling banyak tahun ini.” (R5/T1)

(ii) Keperluan pengetahuan

Responden menyatakan bahawa perlu adanya pengetahuan di pihak kaunselor untuk menangani kes-kes berkaitan seks siber. Ini disokong dengan pernyataan-pernyataan seperti:

“Kaunselor kena faham la konsep ketagihan. Maknanya, kita kena faham apa makna ketagihan tu dan bagaimana kita kaunselor nak membuang ketagihan tu....” (R2/T2)

“Kaunselor ni mesti beyond la.. kita mesti ke hadapan, kalau tak kita kena kanto la. Terutamanya dalam siber seks ni lah. Saya lepas daripada budak tu, saya belajar daripada budak tu. Saya cari benda-benda macam ni, supaya kita dapat tahu dan kita ada knowledge. Kalau kita tak ada knowledge kan kanto la kita.. ermmm. Saya rasa macam tu. Kalau kita duduk kaunseling kita, kita just cukup dengan apa yang kita belajar di tempat-tempat, saya rasa tak memadai. Sebab bila saya duduk sini, saya rasakan apa yang kita dapat di dalam universiti tu sebagai satu kayu ukur asas. Dan asas ini, kita perlu teruskan, lengkapkan

diri kita dengan ilmu-ilmu yang terbaru. Kalau kita, cukup la dengan teknik-teknik yang kita tahu dulu, saya rasa tak boleh la... jika kita tak ada ilmu benda ni, kalau orang datang jumpa kita tak pernah jumpa kes macam ni, kita tak dapat nak tolong. Jadi kredibiliti kita dah jatuh....” (R5/T2)

(iii) Pendekatan merawat ketagihan seks siber

Dapatan kajian menunjukkan pelbagai pendekatan digunakan oleh responden untuk merawat ketagihan seks siber apabila mereka berhadapan dengan klien. Biasanya kaedah yang digunakan adalah kaedah campuran. Antara kaedah yang digunakan termasuk teknik Rasional Emotif Tingkah Laku, Gestalt, kaunseling perkahwinan dan keluarga serta kaedah kerohanian. Ini dapat dilihat daripada pernyataan:

“...biasanya kita fokus kepada tingkah laku ketagihan mereka, bagaimana sebagai seorang kaunselor kita nak membantu klien untuk mengurangkan mengikut stages... kita cuba kurangkan sedikit demi sedikit kekerapan tingkah laku mereka... bermula dengan kaunseling keluarga, iaitu meminta klien membuat pilihan samada memilih ketagihan seks atau keluarga... dgn menggunakan behavior modification, mengubah tingkah laku ketagihan secara sistematik. Sekiranya mereka berdisiplin dan will power yang kuat mereka mampu lakukan dan berubah. Pada masa yang sama, kita menggunakan teknik kaunseling keluarga untuk meningkatkan hubungan mesra, seperti pertingkatkan suasana keluarga yang kondusif dengan menyayangi antara satu sama lain dan merasakan rumah adalah syurga mereka... dia perlukan some professional help seperti kaunselor yang boleh membantu dia untuk mengawal diri, menerapkan aspek psiko spiritualiti. Contohnya; skill dengan Allah-Hablul Mina Allah, pahala dan dosa, meningkatkan self awareness klien. Psiko-spiritual juga boleh dilakukan terhadap klien...” (R1/T3)

“Biasanya yang pertama, saya akan dapatkan maklumat la... rapport dan sebagainya. Tapi yang biasanya datang ni dah nak minta tolong kita. Jadi dia datang tu, kira macam menyerah diri la... suami yang masuk dulu... Saya buat Gestalt, depan tu gambaran isteri... dan suruh isteri tu bercakap... maknanya betapa kecewanya, luahan perasaan kecewa, sedih... macam mana cara nak minta maaf... kita buat role-play macam kerusi kosong... Jadi kalau kita kaunselor, kita akan fokus kepada yang pertama ialah believe system... banyak guna teori RET, yang kedua banyak menggunakan teori tingkah laku... jadi yang ketiga juga kita akan pergi kepada agama itu sendiri la... lepas tu masuk juga Adler, sebab dia melibatkan zaman kanak-kanak. (R2/T3)

“...kita kena teroka dahulu, apa pengalaman pertama dia apabila melihat perkara itu... minat seksualitinya... buat sesi bimbingan, so bimbingan itu tidak salah dari aspek kita mengajar dan menunjukajar, iaitu psychoeducationalnya... sekurang-kurangnya ad-din itu nasihat, tapi nasihat itu mestilah berhikmah... dalam kaunseling seksualiti, maknanya mesti open, mesti cerita dan beritahu... ini satu kelebihan klien itulah kepada saya sebab dia bersedia untuk diubah dan membuat perubahan....” (R3/T3)

“... itu sebabnya dalam kaunseling perkahwinan ini selalu saya akan counter balik... macammna untuk membina perhubungan.” (R4/T3)

(iv) Pendekatan mengekalkan kepulihan daripada ketagihan seks siber (pencegahan relaps)

Dapatan kajian menunjukkan pelbagai pendekatan digunakan oleh responden untuk membantu mengekalkan kepulihan ketagihan seks siber (pencegahan relaps) dengan klien. Kaedah yang digunakan adalah kaedah campuran, khususnya kaedah kaunseling perkahwinan dan keluarga. Ini dapat dilihat daripada pernyataan:

”...suami mengambil keputusan untuk terus berhenti kerja dan membuat kerja lain yang secara keseluruhannya tidak menggunakan komputer dalam urusan harian, semata-mata untuk mengelak daripada rasa trigger dan terjebak kembali dengan tingkah laku siber seks.” (R1/T4)

“Kalau suami, kita perlu sokongan isteri. Isteri kena support dia, contohnya kalau suami malam masih di depan PC, maka isteri kena la ingatkan... kerana orang macam ni keinginan seks tu tinggi. Dan satu lagi dia nak kepelbagaian dari segi teknik seksual, jadi peranan isteri tu penting. Yang dikatakan berbalik tu bila isteri kata dah ok, jadi dia pun terlupa, biarkan... jadi sebab tu kita buat kaunseling suami isteri. Sebab isteri kena bantu dia.” (R2/T4)

“...dia dah ada kesedaran... dan mereka nak berubah sebab mereka ada anak... kerana dikhuatiri ini akan menjadi recycle... dia menyatakan di takut benda ini akan jadi recycle kepada keturunan, jadi kami kena berhentilah daripada melakukan itu.” (R3/T4)

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji ketagihan seks siber sebagai suatu fenomena yang semakin berkembang sebagai suatu isu yang melibatkan bidang kaunseling. Ini memberikan suatu gambaran tentang kaunselor di Malaysia dalam berhadapan dengan isu berkaitan ketagihan seks siber. Gambaran ini mungkin kurang tepat untuk merepresentasi keseluruhan kaunselor di Malaysia. Walaubagaimanapun, beberapa dapatan yang dirasakan penting boleh dikaji dan dibincangkan. Dapatan-dapatan ini dirasakan dapat memberikan impak kepada bidang kaunseling di Malaysia, khususnya kepada latihan dan persediaan kaunselor.

Kesan aktiviti seks siber dan bilangan kes seks siber yang diuruskan

Kesemua responden menyatakan kesan negatif yang terbentuk daripada aktiviti seks siber samada kesan kepada individu mahupun kepada sistem perkahwinan dan kekeluargaan. Ini menunjukkan kesemua responden mempunyai kesedaran yang tinggi tentang wujudnya masalah sosial ini di kalangan masyarakat Malaysia. Dapatan ini menyokong hasil kajian lepas yang menyatakan bahawa wujudnya impak yang besar terhadap hubungan kekeluargaan yang menyebabkan ahli dalam sesebuah keluarga itu merasakan mereka tinggal dengan orang asing. Perasaan ini boleh menjurus kepada berlakunya keretakan perhubungan seperti gangguan ketegangan (stres), masalah anak-anak dan masalah rumahtangga, yang boleh diakhiri dengan perceraian (Bird, 2006; Cooper, Delmonico &

Burg, 2000; Cooper, McLoughlin & Campbell, 2000; Cooper, Morahan-Martin, Mathy & Maher, 2002; Cooper, Schrer, Boies & Gordan, 1999; Gonyea, 2004; Hertlein & Webster, 2008; Landau, Garrett & Webb, 2008; Morahan-Martin & Schumacher, 2000; Underwood & Findlay, 2004).

Hasil kajian juga mendapati bilangan kes berkenaan seks siber yang diuruskan oleh kaunselor adalah rendah. Berdasarkan temubual, peratusan kes semakin bertambah semenjak tahun 2000 dan ke atas dan boleh mencapai sehingga 50 kes dalam masa 5 tahun. Ini mungkin kerana seks siber masih lagi merupakan perkara baru di Malaysia atau masalah seks siber ini tidak dapat dikesan kerana mereka yang terlibat dengan seks siber ini mungkin malu, takut dan celaru untuk membuat pengakuan sendiri atau tiada kesedaran (*awareness*) tentang isu ketagihan mereka. Pertambahan dari segi bilangan kes ini menyokong apa yang diperkatakan dalam kajian oleh Cooper et al. (1999), Goldberg et al. (2008) dan Hertlein & Webster (2008) iaitu semakin ramai klien hadir dengan masalah berkaitan seks siber dan bilangan kes semakin meningkat. Menurut mereka, tiadanya kes yang diuruskan mungkin disebabkan oleh faktor *setting* yang mana kes yang diuruskan tidak berfokus kepada masalah seks siber, tetapi lebih kepada masalah lain (seperti masalah rumahtangga, pekerjaan, persekolahan) dan juga faktor isu ini tidak ditanyakan kepada klien secara terus.

Berdasarkan temubual juga, kebanyakan kes yang diuruskan biasanya masalah dilaporkan bukan oleh pihak yang terbabit dengan seks siber itu sendiri tetapi ahli keluarga seperti pasangan ataupun ibu bapa. Hal ini menyokong kajian terdahulu yang menyatakan pelapor biasanya adalah di kalangan ahli keluarga atau pasangan (Goldberg et al., 2008; Schneider, 2003) dan mereka juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bantuan atas sebab wujudnya perasaan-perasaan yang sama (malu, takut, celaru) (Landau et al., 2008, Scheneider & Weiss, 2001). Penerokaan tentang isu seksual juga merupakan suatu topik yang sensitif dan tidak dibicarakan secara terbuka terutama dalam konteks budaya dan agama di Malaysia. Masalah ini juga wujud di negara lain yang mana topik berkenaan keintiman, seksualiti dan kecurangan dalam perkahwinan dianggap suatu perkara yang *taboo* (Landau et al., 2008).

Diagnosis dan kaedah rawatan yang digunakan oleh kaunselor berdasarkan kajian kes

Untuk merawat dan memulihkan klien, adalah penting untuk seseorang kaunselor itu membuat suatu Rancangan Pemulihan Klien sebagai panduan yang akan menggerakkan sesi kaunseling dengan berkesan. Klien perlu dinilai terlebih dahulu untuk mendapatkan diagnosis yang sesuai dan seterusnya pendekatan rawatan yang diberikan adalah berdasarkan keperluan klien. Untuk itu, diagnosis dan kaedah rawatan yang digunakan oleh kaunselor juga dikaji.

Daripada temubual didapati ada kaunselor menggunakan kaedah yang digunakan dalam kaunseling ketagihan serta kaunseling perkahwinan dan keluarga untuk menangani masalah seks siber ini. Ini mungkin kerana latar belakang pendidikan kaunselor yang ditemubual yang merangkumi elemen keluarga dan perkahwinan dan ini menyokong dapatan kajian oleh Bird (2006) dan Swisher (1995) iaitu kaunseling perkahwinan dan keluarga adalah berkesan untuk rawatan ketagihan seks siber tetapi dijalankan sebagai tambahan kepada kaunseling individu dan kelompok.

CADANGAN

Hasil daripada kajian mendapati adanya keperluan kaunselor untuk menambah pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan profesionalisme dan kompetensi sendiri bagi melengkapkan dan

menyediakan diri bagi menguruskan kes-kes seks siber. Terdapat beberapa cara atau pendekatan yang boleh dilaksanakan untuk tujuan ini.

Temubual telah dianalisa semula untuk mendapatkan elemen-elemen yang perlu ada dalam modul latihan yang boleh dibangunkan.. Melalui analisa kajian, sebelas elemen yang dikenalpasti adalah: (i) asas Internet dan teknologi (ii) ketagihan, (iii) seksualiti manusia, (iv) diagnosis, (v) keinginan untuk berubah, (vi) psikospiritual, (vii) perubahan tingkah laku dan sistem kepercayaan, (viii) kaunseling perkahwinan dan keluarga, (ix) pencegahan relaps, (x) etika profesionalisme dan (xi) penjagaan lanjutan.

Menurut Bird (2006), ramai pengkaji yang mencadangkan bahawa kebanyakan ahli terapi (kaunselor) mempunyai tahap kesedaran yang rendah tentang tanda-tanda ketagihan seks (Cooper et al., 2000), ketagihan dwi-diagnosis (Eisenman, Dantzker & Ellis, 2004; Kalichman & Cain, 2004; Wan et al., 2000, Weiss, 2004) dan kesan ketagihan kepada pekerjaan, keluarga dan aspek lain kehidupan (Chaney & Dew, 2003; Cooper et al., 1999, 2000; Scheneider, 2000, Schwartz & Abramowitz, 2003). Ini bermakna, adanya keperluan untuk kaunselor memahami perkara asas iaitu tentang apa itu ketagihan dan apa itu seksualiti.

Bird (2006) juga menyatakan tentang jenis rawatan yang biasanya digunapakai untuk ketagihan seks siber iaitu kaunseling individu, kelompok dan juga kaunseling keluarga dan pasangan/perkahwinan. Rawatan yang dijalankan termasuk menggunakan teori sistem (keluarga), rawatan tingkah laku dan system kepercayaan, rawatan ketagihan, rawatan trauma (terutama kepada pasangan/keluarga). Bird (2006) juga menyatakan keperluan kepada sokongan pasangan, keluarga dan rakan-rakan dalam proses kepulihan. Begitu juga dengan rawatan psikospiritual yang dinyatakan dalam kajian oleh King (2003). Dalam satu kajian lain (Hertlein & Piercy, 2008) elemen psikospiritual iaitu tahap religiositi kaunselor dibincangkan.

Ramai juga di kalangan pengkaji yang memberikan panduan bagaimana proses rawatan boleh menjadi lebih berkesan dengan mementingkan elemen etika dan profesionalisme misalnya, tidak bersifat menghukum (*judgmental*), menghormati klien, lebih sensitif dan cuba untuk bersifat terbuka.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian telah menghasilkan suatu profil atau demografi berkaitan kaunselor di Malaysia yang memberikan suatu gambaran tentang kaunselor di Malaysia dalam berhadapan dengan isu berkaitan ketagihan seks siber. Walaupun gambaran ini mungkin kurang tepat untuk merepresentasi keseluruhan kaunselor di Malaysia, ia dapat memberikan input kepada bidang kaunseling di Malaysia, khususnya kepada latihan dan persediaan kaunselor.

Kajian telah mendapati bahawa kurangnya pengetahuan dan kemahiran di kalangan kaunselor menyebabkan mereka kurang bersedia dan kurang berkeyakinan untuk menguruskan kes-kes seks siber. Berdasarkan temubual dengan pakar yang telah dikenalpasti serta kajian lepas, keperluan pengetahuan dan kemahiran ini juga jelas. Masalah ini ternyata bukanlah sahaja dikenalpasti berlaku di kalangan kaunselor di Malaysia, tetapi juga di negara Barat.

Kajian ini juga telah menganalisa kaedah-kaedah yang digunakan oleh kaunselor dalam merawat kes-kes seks siber dalam sistem kekeluargaan dan pasangan di Malaysia. Hasil daripada

temubual kaunselor pakar, didapati kaedah yang digunapakai menyokong kajian-kajian lepas di mana untuk menangani kes-kes seks siber, kaedah yang digunakan merujuk kepada kaunseling ketagihan serta kaunseling perkahwinan dan keluarga.

RUJUKAN

- Ackland, R. (2009). Social network services as data sources and platform for e-researching social networks. *Social Science Computer Review*, 27, 481-492.
- Afiq Hanif. (2009) *Jerat Internet*. Harian Metro, 22/3/2009. Diambil pada 30/12/2009 daripada http://www.hmetro.com.my/Current_News/myMetro/Saturday/Setempat/20090321090025/Article/index_html daripada <http://maharammamat.wordpress.com/author/maharammamat/page/7/>.
- Al-Qur'an. Al-Isra': 32.
- Babchuck, W.A. (1997). *The rediscovery of grounded theory: Strategies for qualitative research*. Unpublished doctoral dissertation, University of Nebraska: Lincoln, Nebraska.
- Barak, A., Fisher, W., Belfry, S. & Lashambe, D. (1999). Sex, guys and cyberspace: Effects of Internet pornography and individual differences on men's attitudes towards women. *Journal of Psychology and Human Sexuality*, 11, 1999.
- Barak, A. & King, S.A. (2000). The two faces of the Internet: Introduction to the special issue on internet and sexuality. *CyberPsychology and Behavior*, 3, 517-520.
- Becvar, R.J. & Becvar, D.S. (2000). *Family therapy: A systemic integration*. Muze Inc.
- Bergen, R. & Bogle, K. (2000). Exploring the connection between pornography and sexual violence. *Violence and Victims*, 15, 227-134. Retrieved on 15 January 2010 from www.uam.es/personal.../%255B2%255DStack2004InternetPornography.pdf
- Berita Harian. (2010). *Sokong sekat laman pornografi*, Berita Harian, 28/7/2010. Diambil pada 15/10/2010 daripada <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Sokongsekatlamanpornografi/Article/>.
- Berita Harian. (2010). MAIM tidak mahu remaja terlanjur terus hanyut. Berita Harian, 8/8/2010. Diambil pada 15/10/2010 daripada <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/MAIMtakmahuremajaterlanjurterushanyut/Article/>.
- Bird, M.H. (2006). Sexual addiction and marriage and family therapy: Facilitating individual and relationship healing through couple therapy. *Journal of Marital and Family Therapy*, 32, 297-311.
- Bogdan, R. & Biklen, S.K. 1992. *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. 2nd Ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Boies, S.C., Cooper, A. & Osborne, C. (2004). Variations in Internet-related problems and psychosocial functioning in online sexual activities: Implications for social and sexual development of young adults. *CyberPsychology and Behaviour*, 7, 207-230.
- Carnes, P. (1996). Addiction or compulsion: Politics or illness. *Sexual Addiction and Compulsivity*, 3, 127-150.
- Carnes, P.J., Delmonico, D. L., Griffin, E., & Moriarty, J. (2001). *In the shadows of the Net: Breaking free of online compulsive sexual behavior*. Center City, MN: Hazelden Educational Materials.
- Carnes, P. (1992). *Don't call it love: Sex addiction in America*. New York. Bantam.
- Carnes, P. (2001). *Out of the shadows: understanding sexual addiction*. New York: Hazelden.
- Charness, N. & Boot, W.R. (2009). Aging and information technology use: Potential barriers. *Current Directions in Psychological Science*, 18, 253-258.

- Christensen, E.W., Norton, J.L., Salisch, M. & Gull, S. (1977). An affective sexual awareness program for counsellors. *Counselor Education and Supervision*, 16, 185-193.
- Coleman, E. (1995). Treatment of compulsive sexual behavior. In: Rosen, R. C., and Leiblum, S.R. (Eds.) *Case studies in sex therapy* (pp. 333–349). New York: Guilford Press.
- Cooper, A. (1998). Sexuality and the Internet: Surfing into the millennium. *CyberPsychology and Behavior*, 1, 181 – 187.
- Cooper, A., Delmonico, D. & Burg, R. (2000). Cybersex users, abusers and compulsives: New findings and implications. *Sexual Addiction and Compulsivity*, 9, 43-67.
- Cooper, A. & Griffin-Shelley, E. (2002). Introduction: The Internet – the next sexual revolution. In A. Cooper (Ed.) *Sex and the Internet: A guidebook for clinicians*. New York: Brunner-Routledge.
- Cooper, A., Scherer, C., Boies, S. & Gordon, B. (1999). Sexuality on the Internet: From sexual exploration to pathological expression. *Professional Psychology, Research and Practice*, 30, 154-164.
- Cooper, A., Morahan-Martin, J., Mathy, R.M. & Maheu, M. (2002). Towards an increased understanding of user demographics in online sexual activity. *Journal of Sex and Marital Therapy*, 28, 105-129.
- Cooper, A. McLoughlin, I. P., & Campbell, K.M. (2000). Sexuality in Cyberspace: Update for the 21st century. *CyberPsychology and Behavior*, 3 (4), 521 – 538.
- Creager & Murray (1985). *The International Encyclopedia of Education*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Creswell, J.W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Sage Publications.
- Cross, R.J. (1991). Helping adolescents learn about sexuality. *SIECUS Report*, 19, 6-11.
- Delmonico, D. L., Griffin, E. J., & Moriarity, J. (2001). *Cybersex unhooked: A workbook for breaking free from compulsive online sexual behavior*. Wickenburg, AZ: GentlePath Press.
- Duldt, B.W. & Pokorny, M.E. (1999). Teaching communication about human sexuality to nurses and other healthcare providers. *Nurse Educator*, 24, 27-32.
- Edwards, W.M., Delmonico, D. & Griffin, E. (2011). *Cybersex unplugged: Finding sexual health in an electronic world*. Createspace.
- Eisenman, R., Dantzker, M. & Ellis, L. (2004). Self-ratings of dependency/addiction regarding drugs, sex, love and food: Male and college female students. *Sexual Addiction and Compulsivity*, 11, 115-127.
- Fisher, W. A., & Barak, A. (2000). Online Sex Shops: Phenomenological, Psychological, and Ideological Perspectives on Internet Sexuality. *CyberPsychology & Behavior*, 3, 575-589.
- Gibbons, M. (1971). *Individualized Instruction*. New York: Teachers College Park.
- Gilchrist, L.D. & Schinke, S.P. (1983). Counseling with adolescents about their sexuality. In C.Chilman (Ed.) *Adolescent sexuality in a changing American society* (pgs. 230-250). Wiley-Interscience.
- Gillispie, J. F., & Gackenbach, J. (2007). *Cyber rules: What you really need to know about the Internet. The essential guide for clinicians, educators and parents*. New York: W.W. Norton.
- Goldberg, P.D., Peterson, B.D., Rosen, K.H. & Sara, M.L. (2008). Cybersex: The impact of a contemporary problem on the practices of Marriage and Family Therapists. *Journal of Marital and Family Therapy*, 34, 469-480.
- Gonyea, J.L. (2004). Internet sexuality: Clinical implications for couples. *American Journal of Family Therapy*, 32, 375-390.

- Greenfield, D.N. & Orzack, M. (2002). The electronic bedroom: Clinical assessment of online sexual problems and Internet-enabled sexual behaviour. In A. Cooper (Ed.) *Sex and the internet: A guidebook for clinicians*. New York: Brunner-Routledge.
- Greenfield, D. N. (1999). *Virtual addiction: Sometimes new technology can create problems*. Retrieved June 3, 2010, from http://www.virtual-addiction.com/pdf/nature_internet_addiction.pdf.
- Griffiths, M. D. (1995). Technological addictions. *Clinical Psychology Forum*, 76, 14 – 19.
- Griffiths, M. D. (1999). Internet addiction: Internet fuels other addictions. *Student British Medical Journal*, 7, 428 – 429.
- Griffiths, M. D. (2000a). Excessive Internet use: Implications for sexual behavior. *CyberPsychology and Behavior*, 3, 537 – 552.
- Griffiths, M. D. (2000b). Internet addiction: Time to be taken seriously? *Addiction Research*, 8, 413 – 418.
- Griffiths, M. (2001). Sex on the internet: Observations and implications for Internet sex addiction. *The Journal of Sex Research*, 38, 333 – 343.
- Haboubi, N.H. & Lincoln, N. (2003). Views of health professionals on discussing sexual issues with patients. *Disability and Rehabilitation*, 25, 291-296.
- Harris, S.M. & Hays, K. W. (2008). Family therapist comfort with and willingness to discuss client sexuality. *Journal of Marital and Family Therapy*, 34, 239-250.
- Hertlein, K.M. & Piercy, F.P. (2008). Therapists' assessment and treatment of Internet infidelity cases. *Journal of Marital and Family Therapy*, 34, 481-497.
- Hertlein, K.M. & Webster, F.P. (2008). Technology, relationships and problems: A research synthesis. *Journal of Marital and Family Therapy*, 34, 445-460.
- Hilton, V.W. (1997). Sexuality in the therapeutic process. In L. Hedges, R. Hilton, W. V. Hilton & B. Caudill (Eds.), *Therapist at risk: Perils of the intimacy of the therapeutic relationship* (pgs. 181-220). Jason Aronson.
- Husen, T. & Poslethwaite, T.N. (1974). *The international encyclopedia of education*. Oxford: Pergamon Press Ltd. Vol. 5 & 6.
- Internet Surveys. (2001). Current population survey, September 2001: Computer and Internet use supplement file. Retrieved on 5 November 2009 from www.nber.org/cpc/cpssep01.pdf.
- Jones, M.K., Weerakoon, P. & Pynor, R.A. (2005). Survey of occupational therapy students' attitude towards sexual issues in clinical practice. *Occupational Therapy International*, 12, 95-106.
- Jones, R.H. (2005). "You show me yours, I'll show you mine": The negotiation of shifted from textual to visual modes in computer-mediated interaction among gay men. *Visual Communications*, 4, 69-92.
- Kalichman, S. & Cain, D. (2004). The relationship between indicators of sexual compulsivity and high risk sexual practices among men and women receiving services from a sexually transmitted infection clinic. *Journal of Sex Research*, 41, 235-241.
- King, S. (2003). The impact of sexually compulsive behaviours on clergy marriages: Perspectives and concerns of the pastor's wife. *Sexual Addiction and Compulsivity*, 10, 193-199.
- Kirkpatrick, J.S. (1980). Human sexuality: A survey of what counsellors need to know. *Counsellor Education and Supervision*, 19, 276-282.
- Kraus, S. & Russell, B.L. (2008). Early sexual experiences: The role of internet access and sexually explicit material. *Cyberpsychology and Behaviour*, 11, 162-168.
- L'Engle, K.L., Brown, J.D. & Kenneavy, K. (2006). The mass media are an important social context for adolescents' sexual behaviour. *Journal of Adolescent Health*, 38, 186-192.

- Landau, J., Garrett, J. & Webb, R. (2008). Assissting a concerned person to motivate someone esperiencing cybersex into treatment. *Journal of Marital and Family Therapy*, 34, 498-511.
- Lewis, J. & West, A. (2009). 'Friendling': London-based undergraduates' experience of Facebook. *New Media Society*, 11, 1209-1229.
- Lofland, J. (1971). *Analyzing social settings: A guide to qualitative observation and analysis*. CA: Wadsworth.
- Luqman Hakim Quek Abdullah. (2005). Telefon kamera – semakin mesra teknologi. Utusan Malaysia, 28/6/2005. Diambil pada 2/8/2010 daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0628&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_09.htm&arc=hive
- McConnell, L.G. (1976). An examination of the counselor's skills when counselling clients with sexual problems. *Family Coordinator*, 25, 183-188.
- McFarlane, M., Bull, S.S. & Rietmeijer, C.A. (2002). The Internet as a newly emerging risk environment for sexually transmitted diseases. *JAMA*, 284, 443-446.
- Mohd. Amirul Akhbar Mohd. Zulkifli. (2011). Ancaman blog di Malaysia. *Pemikir*, 64, 89-104.
- Mohd. Azis Ngah. (2008). *Laman web lucu mudah dilayari*. Retrieved January 16, 2009, from http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Sunday/Bmdua/20081012090908/Article
- Morahan-Martin, J. & Schumacher, P. (2000). Incidence and correlates of pathoogical Internet use among college students. *Computers in Human Behavior*, 16, 13-29.
- Nathan, S.G. (1986). Are clinical psychology graduate students being taught enough about sexuality? A survey of doctoral programs. *Journal of Sex Research*, 22, 520-524.
- Nichols, M.P. & Schwartz, R.C. (2001). *Family therapy: Concepts and methods*. (5th ed). Boston: Allyn & Bacon.
- Ono, H. & Tsai, H.J. (2008). Race, parental socioeconomic status and computer use time outside of school among young American children, 1997 to 2003. *Journal of Family Issues*, 29, 1650-1672.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. (2nd Ed.) Newbury Park, CA: Sage.
- Putnam, D. E. (2000). Initiation and maintenance of online sexual compulsivity: Implications for assessment and treatment. *CyberPsychology & Behavior*, 3 (4), 553 – 565.
- Ross, M.W., Mannson, S.A., Daneback, K. & Tikkanen, R. (2005). Characteristics of men who have sex with men on the Internet but identify as heterosexual, compared with heterosexually identified men who have sex with women. *CyberPsychology & Behavior*, 8, 131-139.
- Rozmi Ismail. (2001). *Pengaruh laman web lucu di kalangan mahasiswa*. Paper presented at Seminar Persatuan Psikologi (PSIMA). 13 – 14 July, 2001. International Islamic University of Malaysia, Kuala Lumpur.
- Schaeff, A. W. (1987). *When society becomes an addict*. Harper Collins.
- Schneider, J.P. (2003). The impact of compulsive cybersex behaviors on the family. *Sexual & Relationship Therapy*, 18, 329-354.
- Schneider, J. (2002). The new 'elephant in the living room': Effects of compulsive cybersex behaviors on the spouse. In A. Cooper (Ed.), *Sex and the Internet: A guidebook for clinicians*. New York: Brunner-Routledge.
- Schneider, J. & Schneider, B. (1996). Couple recovery from sexual addiction/co-addiction: Results of a survey of 88 marriages. *Sexual Addiction and Compulsivity*, 3, 111-126.

- Schneider, J.P. & Weiss, R. (2001). *Cybersex exposed: Simple fantasy or obsession?* Center City, MN: Hazelden.
- Schneider, J. P. (2000). Effects of cybersex addiction on the family: Results of a survey. In A. Cooper (Ed.), *Cybersex: The dark side of the force* (pp. 113-125). Philadelphia: Brunner Routledge.
- Schwartz, S. & Abramowitz, J. (2003). Are nonparaphilic sexual addictions a variation of obsessive-compulsive disorder? A pilot study. *Cognitive and Behavioral Practice, 10*, 372-377.
- Stayton, W.R. (1998). A curriculum for training professionals in human sexuality using the Sexual Attitude Restructuring (SAR) model. *Journal of Sex Education and Therapy, 23*, 26-32.
- Stephen, M. (1989). *Assessing and recording achievement*. England: Blackwell Ltd.
- Sulaiman Yasin, Saidin Teh & Asma Ahmad. (1986). *A modular training programme for development managers*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Suler, J. (2004). The online disinhibition effect. *CyberPsychology and Behavior, 7*, 321 – 326. Retrieved on 15 January 2010 from <http://users.rider.edu/~suler/psycyber/index.html>.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2005). *Household use of the Internet Survey 2005*. Retrieved 15 January 2011 from http://www.skmm.gov.my/link_file/facts_figures/stats/pdf/Household_use_internet_survey2005.pdf.
- Malaysian Communication and Multimedia Commission. (2008). *Household use of the Internet survey 2008*. Retrieved January 3, 2009, from http://www.skmm.gov.my/facts_figures/stats/pdf/HUIS08.pdf.
- Swisher, S. (1995). Therapeutic interventions recommended for treatment of sexual addiction/compulsivity. *Sexual Addiction and Compulsivity, 2*, 31-39.
- Syamsul Anuar Ismail. (2003). *Pengaruh dan kesan aktiviti seks siber di kalangan pengguna Internet di Malaysia*. UPM: Unpublished dissertation.
- Underwood, H. & Findlay, B. (2004). Internet relationships and their impact on primary relationships. *Behavior Change, 21*, 127-140.
- Veena Babulai. (2010). *Gamers gone wild: Children as young as 12, stay out all night to play games at cybercafé*. New Straits Times, 17/7/2010. Diambil pada 5/8/2010 daripada <http://www.nst.com.my/nst/articles/24-hourcybercafeaddiction/Article/#ixzz0vhgY9JxT>
- Walther, J.B., van Der Heide, B., Hamel, L.M. & Shulman, H.C. (2009). Self-generated versus other generated statements and impressions in computer mediated communication: A test of warranting theory using Facebook. *Communication Research, 36*, 229-253.
- Wallace, P. (1999). *The psychology of the Internet*. New York: Cambridge University Press.
- Wan, M., Finlayson, R. & Rowles, A. (2000). Sexual dependency treatment outcome study. *Sexual Addiction and Compulsivity, 2*, 31-39.
- Weiss, D. (2001). The prevalence of depression in male sex addicts residing in the United States. *Sexual Addiction and Compulsivity, 11*, 57-69.
- Whitty, M.T. (2003). The realness of cybercheating: Men's and women's representations of unfaithful Internet relationships. *Social Science Computer Review, 23*, 57-67.
- Wiederman, M.W. (1999). Sexuality training for professionals in human sexuality using the Sexual Attitude Restructuring (SAR) model. *Journal of Sex Education and Therapy, 23*, 26-32.

- World Fatwa Management and Research Institute, Universiti Sains Islam Malaysia. 2004. *Fatawa: Cyber sex and Zina*. Retrieved on 31 May 2011 from <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=9559>
- Wysocki, D.K. (1998). Let your fingers do the talking sex on an adult chat-line. *Sexualities*, 1, 425-252.
- Wysocki, D.K. & Childers, C.D. (2011). "Let my fingers do the talking": Sexting and infidelity in cyberspace. *Sexuality & Culture*, DOI 10.1007/s12119-011-9091-4.
- Young, K. (1996). Internet addiction: The emergence of a new clinical disorder. *CyberPsychology and Behavior*, 1, 237-244.
- Young, K., Pistner, M., O'Mara, J. & Buchanan, J. (1999). Cyber disorders: The mental health concern for the new milenium. *CyberPsychology and Behavior*, 2, 475-479.
- Young, K. (1999). Internet addiction: Evaluation and treatment. *Student British Medical Journal*, 7, 351 – 352.
- Young, K.S., Griffin-Shelly, E., Cooper, A., O'Mara, J. & Buchanan, J. (2000). Online infidelity: A new dimension in couple relationships with implication for evaluation and treatment. In A. Cooper (Ed.), *Cybersex: The dark side of the force* (pp. 59-74). Philadelphia: Brunner Routledge.